

Pantang Larang Kaum Lelaki Melanau, Sarawak dan Kesan Ketidakpatuhan

BITARA

Volume 4, Issue 2, 2021: 045-058
 © The Author(s) 2021
 e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[Taboos Malanau, Sarawak Men and The Effects of Non-Compliance]

Mohammad Husri Morni, Norazlina Mohd Kiram & Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff ¹

Abstrak

Kaum Melanau merupakan salah satu etnik di Sarawak dan mempunyai persamaan dengan masyarakat Melayu di Sarawak baik dari segi kebudayaan, adat resam dan pantang larang. Kaum Melanau mempunyai pantang larang tradisi yang diwarisi secara turun temurun. Pantang larang merupakan larangan atau tegahan terhadap sesuatu perbuatan atau percakapan dengan tujuan untuk mengelak daripada berlaku sesuatu yang buruk atau kejadian yang tidak diingini. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan bagi menghuraikan bentuk pantang larang yang menjadi pegangan kaum lelaki Melanau di Sarawak dan kesannya jika pantang larang tidak dipatuhi. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kaedah temu bual. Sebanyak 20 data telah dikumpulkan berdasarkan maklumat tujuh orang informan yang mempunyai latar belakang seni dan budaya. Data kajian dianalisis dengan menggunakan kerangka konsep Yasir Abd Rahman (1987) yang menumpukan pantang larang kepada tiga kategori, iaitu kelahiran, perkahwinan dan aktiviti harian. Hasil kajian mendapati bahawa hampir separuh daripada pantang larang kaum lelaki Melanau melibatkan aktiviti harian, iaitu sebanyak 9 (45 %), manakala kategori kelahiran 8 (40 %) dan perkahwinan 3 (15%). Kepatuhan kaum lelaki Melanau terhadap pantang larang didasari oleh kepercayaan yang kuat bahawa malapetaka akan berlaku jika pantang larang tidak dipatuhi. Secara keseluruhannya, pantang larang mempunyai kaitan yang erat dengan kepentingan untuk menjaga keselamatan dan keharmonian diri serta keluarga. Kajian ini diharap dapat mengangkat keunikan pantang larang masyarakat Melanau sebagai satu warisan khazanah bangsa.

Kata kunci:

Etnik di Sarawak, Pantang Larang, Lelaki Melanau.

Abstract

The Melanau tribe is one of the ethnics in Sarawak and has similarities to the Malay community in Sarawak both in terms of culture, customs and ng prohibitions. The Melanau people have a taboo of traditions that are inherited by generations. Abstinence is a prohibition or prohibition on an act or speech with the aim of avoiding any bad or undesirable nature. In this regard, this study was carried out to elaborate the taboo form which is the holding of the Melanau men in Sarawak and its effects if taboos are not observed. The study used a qualitative approach and interview methods. A total of 20 data was collected based on the information of seven information with arts and cultural backgrounds. The study data was analyzed using the concept framework of Yasir Abd Rahman (1987)

¹ Pusat Kajian Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor

Corresponding Author:

MOHD YUSZAIDY MOHD YUSOFF, Pusat Kajian Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA
 *E-mail: yuszaidy@ukm.edu.my

which focuses on taboos to three categories, namely birth, marriage and daily activities. The findings found that almost half of Melanau's male taboos involved daily activities, 9 (45%), meanwhile birth category 8 (40%) and marriage 3 (15%). Melanau's adherence to the taboos is based on a strong belief that a catastrophe will occur if the taboos are not spoiled. Overall, taboos have close relevance to the importance of maintaining the safety and harmony of themselves and their families. It is hoped that this study will be able to lift the taboos of the Melanau community as a legacy of race.

Keywords:

Ethnicity in Sarawak, Taboo, Melanau Men.

Cite This Article:

Mohammad Husri Morni, Norazlina Mohd Kiram & Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. 2021. Pantang larang kaum lelaki Melanau, Sarawak dan kesan ketidakpatuhan. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(2): 45-58.

Pengenalan

Masyarakat Melanau merupakan etnik yang kelima terbesar di Sarawak dan mempunyai adat, budaya dan tradisi yang unik. Pada umumnya, etnik Melanau mempunyai persamaan dengan masyarakat Melayu baik dari segi kepercayaan, kebudayaan dan adat resam. Sistem kepercayaan pula merupakan tunggak yang menentukan pandangan hidup dan tindak-tanduk masyarakat Melanau. Sistem kepercayaan ini mempengaruhi cara mereka berfikir, bertindak balas dengan alam, menaaakul kejadian dan persekitaran. Sebelum kedatangan agama Islam ke nusantara, masyarakat Melanau percaya dan berpegang teguh kepada unsur animisme. Walau bagaimanapun, ada dalam kalangan mereka yang beragama Islam selain menganut agama Kristian dan berpegang kepada fahaman tradisional (Pagan). Kepercayaan ini telah menjadi salah satu ciri bagi masyarakat Melanau (Yasir Abd Rahman, 1987). Menurut Jeniri Amir (1988), kaum Melanau Pagan dan Melanau Kristian merupakan kaum yang masih berpegang kuat pada kuasa mistik. Kebanyakan daripada kepercayaan dan amalan ilmu ghaib yang terdapat dalam kalangan masyarakat Melanau ini dipercayai mendapat tunjuk ajar daripada masyarakat Melayu (Hashim Awang, 1988).

Kaum Melanau mempunyai adat dan pantang larang yang tersendiri. Peraturan mistik dan peraturan mengikut pertimbangan akal yang berkait dengan pantang larang ini telah wujud sejak zaman masyarakat kuno. Namun, ada antara pantang larang tersebut telah ditinggalkan seiring dengan perubahan zaman dan pegangan terhadap agama yang dianuti. Dalam kalangan kaum Melanau pula, pantang larang berfungsi sebagai sekatan sosial dalam mengawal pergerakan dan tindakan. Mereka masih mewarisi dan mengamalkan pantang larang tertentu sehingga ke hari ini. Kaum Melanau percaya bahawa pengingkaran terhadap pantang larang boleh menyebabkan individu tersebut ditimpa malapetaka atau terkena penyakit yang sukar diubati. Selain itu, pantang larang yang diamalkan itu juga bertujuan untuk mengelak daripada sumpahan atau terkena makhluk halus. Sehubungan dengan itu, pantang larang yang melibatkan keturunan, penyakit dan kehidupan mestilah dipatuhi. Dalam hubungan ini, Jeniri Amir (1988) menjelaskan bahawa pantang larang bukanlah penghalang kemajuan tetapi berhasrat untuk

melahirkan manusia yang sejahtera. Walau bagaimanapun, ada juga pantang larang yang menyebabkan pergerakan masyarakat Melanau dalam sesuatu pekerjaan terbatas.

Kaum lelaki Melanau juga mempunyai amalan pantang larang tersendiri yang berkait rapat dengan aktiviti sehari-hari mereka. Kebanyakan lelaki Melanau bekerja sebagai nelayan, tukang kebun atau pekerjaan yang memerlukan mereka berada di dalam hutan. Perkerjaan mereka mempunyai hubungan yang erat dengan alam dan dipercayai mempunyai unsur estimologi tertentu. Kepatuhan terhadap pantang larang, terutamanya yang melibatkan aktiviti harian, perkahwinan dan kehamilan bertujuan untuk mengelak daripada kecelakaan atau malapetaka selain memastikan keselamatan ahli keluarga terpelihara.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti bentuk pantang larang yang menjadi pegangan kaum lelaki Melanau di Sarawak dan menghuraikan kesan ketidakpatuhan terhadap pantang larang serta implikasinya terhadap sistem nilai masyarakat Melanau.

Kajian Literatur

Menurut Mohd Taib Osman (1988), budaya merupakan satu himpunan kelengkapan intelektual dan kebendaan yang dapat memenuhi kehendak biologi dan kemasyarakatan serta dapat menyesuaikan dengan keadaan sendiri. Kebudayaan sebagai keseluruhan cara hidup manusia meliputi kehidupan kelompok yang bercorak kebendaan dan bukan kebendaan. Secara asasnya, sosiobudaya merupakan amalan gaya hidup dan peradaban bagi sesuatu masyarakat, lahir dari pegangan dan kecenderungan diri masyarakat atau etnik berkenaan dalam pelbagai bidang kehidupan untuk memberi kepuasan dan meransang pembangunan hidup masyarakat tersebut. Oleh itu, pantang larang merupakan salah satu amalan gaya hidup dan peraturan yang perlu dipatuhi sejak zaman dahulu termasuklah dalam kalangan masyarakat Melanau di Mukah.

Ani Omar (2010) dalam kajiannya telah menyentuh mengenai kebitaran menjaga keperwiraan kaum lelaki. Dalam hubungan ini, bapa yang pulang ke rumah pada waktu malam tidak boleh terus masuk ke dalam rumah, tetapi perlu berhenti sebentar di luar rumah. Tujuannya untuk mengelirukan hantu yang mengikutinya. Seterusnya, beliau telah merujuk kajian Abdullah Yusof pada 2006 yang menyatakan bahawa bapa kepada bayi dalam kandungan tidak boleh melakukan pekerjaan yang ‘keras’ seperti menyembelih ayam, membunuh binatang seperti ular, monyet dan anjing. Ketidakpatuhan terhadap pantang larang ini boleh menyebabkan anak yang bakal lahir terkena badi binatang tersebut dan mengakibatkan kecacatan seperti bibir terbelah dan kenan. Kaum lelaki juga perlu berhati-hati jika ingin membuang air kecil, khususnya ketika melintasi hutan belantara. Kaum lelaki dilarang kencing di kawasan busut kerana dipercayai kemaluan mereka akan menjadi buruk. Busut dipercayai menjadi tempat tinggal makhluk halus. Kepercayaan ini diamalkan supaya kaum lelaki berjaga-jaga agar tidak “ditegur” oleh makhluk halus atas perbuatan yang tidak sopan tersebut (Robiah Sidin dan Juriah Long, 1998).

Hamidah Abdul Wahab (2013) telah mengkaji mengenai petua dan pantang larang tradisional masyarakat Melayu Sarawak, khususnya mengenai penyakit, hal berkeluarga,

keselamatan diri, masakan dan makanan, bercucuk tanam (pekerjaan), bertemu binatang bahaya, kebersihan dan kecantikan. Responden kajian terdiri daripada masyarakat peribumi Melayu Sarawak dari kawasan Serian, Simunjan dan Kuching yang berusia 50 tahun ke atas. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengantin yang baharu pertama kali bertandang ke rumah perlu direnjis dengan tepung tawar atau ‘pupur’ (bedak biasa) dan minyak wangi. Tuan rumah akan merenjis tepung tawar sambil berdoa agar pengantin diberikan kebahagiaan hingga ke akhir hayat. Sekiranya amalan ini tidak dilaksanakan maka dipercayai ‘tunggal haus’ atau sesuatu yang tidak baik akan berlaku terhadap tuan rumah atau pengantin. Kajian pantang larang turut dilakukan oleh Aishah@Eshah Mohamed & Abd. Aziz Bidin (2012), iaitu tentang penjagaan kesihatan wanita semasa dalam pantang. Kajian diakukan berdasarkan perspektif budaya Melayu. Data kajian terdiri daripada 30 orang informan wanita Melayu yang pernah mengamalkan amalan dalam pantang. Dapatan kajian menjelaskan bahawa wanita dalam pantang tidak digalakkan keluar dari rumah, terutama pada waktu maghrib dan malam, melakukan perjalanan jauh dan menziarahi orang sakit atau meninggal dunia. Ini kerana tubuh mereka masih lemah dan mudah terdedah kepada gangguan makhluk ghaib, angin dan emosi tidak stabil. Tubuh mereka juga berada dalam keadaan kotor dan mudah terdedah kepada gangguan makhluk ghaib serta pelbagai penyakit seperti sakit meroyan, tumpah darah dan bentan.

Kebanyakan masyarakat Melanau mempunyai pantang larang berkaitan makanan yang menjadi warisan turun temurun. Menurut Yassir Abdul Rahman (1987), pantang larang berpunca daripada sumpahan yang telah dibuat oleh nenek moyang sesebuah keluarga. Kewujudan dunia dan kuasa ghaib juga mempunyai kaitan dengan pantang larang dan sekiranya pantang larang ini tidak dipatuhi maka sesuatu yang buruk akan menimpa. Menurut Jeniri Amir (1988), kanak-kanak Melanau dilarang makan ketam dan ikan sembilang untuk mengelakkan daripada terkena penyakit kulit. Kanak-kanak perempuan pula tidak dibenarkan makan buah bilin yang dipercayai boleh menyebabkan kematiannya semasa melahirkan anak nanti. Manakala kanak-kanak lelaki yang makan buah bilin berkemungkinan akan mati lemas atau dibaham buaya.

Pendekatan Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kaedah temu bual. Kerja pengumpulan data dilakukan selama tiga bulan, iaitu daripada bulan Mac hingga Mei 2020. Informan kajian terdiri daripada tujuh penduduk sekitar Mukah, iaitu 4 lelaki dan 3 perempuan yang berusia antara 28 hingga 72 tahun. Mereka dipilih sebagai informan kerana mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam seni budaya Melanau, sama ada sebagai aktivis mahupun ahli persatuan. Soalan temu bual yang dikemukakan kepada informan terbahagi kepada dua bahagian, iaitu Bahagian A (5 soalan) dan Bahagian B (5 soalan). Soalan yang dikemukakan termasuklah latar belakang, pengetahuan tentang sosiobudaya masyarakat Melanau, asal-usul pantang larang dan kepercayaan masyarakat terhadap pantang larang. Sebanyak 20 data telah dianalisis dengan menggunakan kerangka konsep Yassir Abdul Rahman (1987) yang memfokuskan kepada tiga kategori pantang larang, iaitu kelahiran, perkahwinan dan aktiviti harian. Proses kelahiran bayi atau semasa ibu bersalin dipercayai turut dikuasai oleh kuasa ghaib. Perkembangan zahir dan

batin serta nyawa bergantung kepada Allah. Semasa mengandung, wanita dianggap sebagai satu bekas untuk menyimpan benih lelaki dan bekas itu akan menentukan perkembangan janin selama tempoh mengandung. Sehubungan dengan itu, ibu bapa dikehendaki mengawal tingkah laku dan tutur kata mereka supaya tidak menjelaskan perkembangan janin sekali gus mengelak daripada gangguan jahat. Pantang larang yang melibatkan perkahwinan pula berkait rapat dengan Adat Petudui yang diadakan di rumah pengantin perempuan. Adat Petudui merupakan adat tradisi, iaitu penyerahan pelbagai barang antaranya termasuklah sebentuk cincin emas dan seutas gelang perak oleh pengantin lelaki kepada pengantin perempuan. Semasa menjalani adat ini, kedua-dua pengantin dikenakan pelbagai pantang larang misalnya tidak boleh mandi di sungai dan tidak boleh tidur pada waktu siang. Sepanjang tiga bulan pertama perkahwinan juga, pasangan perlu patuh kepada pantang larang tertentu. Manakala, pantang larang yang berkaitan dengan aktiviti harian pula banyak tertumpu kepada kegiatan menangkap ikan, memburu haiwan, menanam padi, menebang rumbia, menebang pokok dan mengambil madu.

Hasil Penemuan dan Perbincangan

Kajian ini mendapati bahawa kaum lelaki Melanau terikat dengan pantang larang yang berkaitan dengan urusan kelahiran, perkahwinan dan aktiviti harian seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Pantang Larang Kaum Lelaki Melanau

Bil.	Pantang Larang	Kategori		
		1	2	3
1.	Tidak dibenarkan tidur bersama isteri dua minggu sebelum isteri bersalin.	/		
2.	Tidak boleh memberi haiwan buruan hutan kepada wanita hamil.	/		
3.	Tidak boleh mengecat rumah semasa isteri mengandung.	/		
4.	Tidak boleh menyatakan hasrat untuk melihat anak dalam kandungan jika ada kematian.	/		
5.	Tidak boleh memotong akar temalet (sejenis tumbuhan hutan) jika ada kematian.	/		
6.	Tidak boleh memotong <i>bakuong gu-un</i> (sejenis tumbuhan hutan) semasa isteri mengandung.	/		
7.	Tidak boleh menindihkan kayu yang dipotong atau makan ikan pari semasa anak dilahirkan.	/		
8.	Tidak boleh memegang anak selepas balik dari hutan atau laut semasa isteri berpantang.	/		
9.	Tidak boleh mandi di sungai dan tidur pada waktu siang semasa menjalani Adat Petudui (adat tradisi penyerahan pelbagai barang antaranya termasuklah sebentuk cincin emas dan seutas		/	

gelang perak oleh pengantin lelaki kepada pengantin perempuan) iaitu di rumah pengantin perempuan.			
10. Tidak boleh memerah kelapa yang sudah diparut selepas majlis perkahwinan.	/		
11. Tidak boleh menetak bumbung rumah dengan parang dalam tempoh satu hingga tiga bulan selepas isteri bersalin.	/		
12. Tidak boleh menggosok badan dengan kuat semasa mandi setelah meletakkan bubu di sungai.	/		
13. Tidak boleh berhenti di depan pintu jika mahu keluar memburu.	/		
14. Tidak boleh mandi selama tiga hari setelah memasang perangkap haiwan.	/		
15. Tidak boleh menggunakan pisau pemotong ikan semasa menuai padi.	/		
16. Tidak boleh meninggalkan batu pengasah sebarang di lepau (dangau).	/		
17. Tidak boleh berada di kebun rumbia jika bermimpi pertelingkahan atau perempuan bogel.	/		
18. Tidak boleh meneruskan perjalanan ke kebun rumbia jika terdengar panggilan burung yang dikenali dengan nama ‘baya’, ‘sut’ dan ‘bukang’.	/		
19. Tidak boleh meneruskan perjalanan jika ternampak ular atau tikus terjatuh dari pokok rumbia.	/		
20. Tidak boleh memarahi orang lain atau anak-anak sebelum pergi ke hutan untuk menebang pokok.	/		
Jumlah	8	3	9
Jumlah keseluruhan	20		

Petunjuk:

- 1 Kelahiran
- 2 Perkahwinan
- 3 Aktiviti Harian

Berdasarkan Jadual 1 di atas, terdapat 20 pantang larang kaum lelaki Melanau merangkumi tiga kategori, iaitu 8 (40 %) kelahiran, 3 (15%) perkahwinan dan 9 (45%) aktiviti harian. Hal ini menunjukkan bahawa pantang larang yang melibatkan aktiviti harian lebih dominan, iaitu hampir separuh berbanding dengan kategori yang lain. Kepatuhan terhadap pantang larang tersebut bertujuan untuk mengelak daripada berlakunya malapetaka sekali gus menjaga keselamatan keluarga. Kaum lelaki Melanau banyak terlibat dengan aktiviti berkebun, memburu dan menangkap ikan bagi menampung keperluan dan menjana ekonomi keluarga. Pantang larang dalam kategori perkahwinan paling sedikit kerana pasangan terikat dengan pelbagai adat dalam proses perkahwinan seperti adat merisik dan bertunang sebelum mengadakan majlis perkahwinan.

Dapatan selanjutnya bertujuan untuk menjelaskan kepercayaan masyarakat Melanau terhadap kesan buruk yang berlaku terhadap diri dan keluarga jika sesuatu pantang larang itu tidak dipatuhi. Rincian lanjut ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Pantang Larang Kaum Lelaki Melanau dan Kepercayaan

Bil.	Pantang Larang	Kepercayaan
1.	Tidak dibenarkan tidur bersama isteri dua minggu sebelum isteri bersalin.	Isteri sukar untuk bersalin kerana diganggu oleh makhluk halus.
2.	Tidak boleh memberi haiwan buruan hutan kepada wanita hamil.	Anak dalam kandungan akan melecur seluruh badan.
3.	Tidak boleh mengecat rumah semasa isteri mengandung.	Tubuh anak yang lahir akan diselaputi minyak.
4.	Tidak boleh menyatakan hasrat untuk melihat anak dalam kandungan jika ada kematian.	Anak dalam kandungan akan mendapat penyakit.
5.	Tidak boleh memotong akar temalet (sejenis tumbuhan hutan) jika ada kematian.	Anak akan meninggal dunia tanpa sebab.
6.	Tidak boleh memotong <i>bakuong gu-un</i> (sejenis tumbuhan hutan) semasa isteri mengandung.	Kerongkong anak akan menjadi gatal dan luka.
7.	Tidak boleh menindihkan kayu yang dipotong atau makan ikan pari semasa anak dilahirkan.	Bibir anak akan menjadi sumbing.
8.	Tidak boleh memegang anak selepas balik dari hutan atau laut semasa isteri berpantang.	Kesihatan anak akan terjejas atau terganggu.
9.	Tidak boleh mandi di sungai dan tidur pada waktu siang semasa menjalani Adat Petudui (adat tradisi penyerahan pelbagai barang antaranya termasuklah sebentuk cincin emas dan seutas gelang perak oleh pengantin lelaki kepada pengantin perempuan) iaitu di rumah pengantin perempuan.	Ikatan kasih sayang dan kebahagiaan pasangan akan pudar.
10.	Tidak boleh memerah kelapa yang sudah diparut selepas majlis perkahwinan.	Isteri sakit perut dan mandul.
11.	Tidak boleh menetak bumbung rumah dengan parang dalam tempoh satu hingga tiga bulan selepas isteri bersalin.	Hubungan suami isteri retak.
12.	Tidak boleh menggosok badan dengan kuat semasa mandi setelah meletakkan bubu di sungai.	Ikan hanya melalui tepi perangkap dan tidak memasuki bubu.

13.	Tidak boleh berhenti di depan pintu jika mahu keluar memburu.	Binatang buruan tidak memasuki perangkap.
14.	Tidak boleh mandi selama tiga hari setelah memasang perangkap haiwan.	Binatang buruan akan menjauhi perangkap kerana dapat menghidu bau manusia.
15.	Tidak boleh menggunakan pisau pemotong ikan semasa menuai padi.	Tanaman padi tidak berisi atau padi hampa.
16.	Tidak boleh meninggalkan batu pengasah sebarangan di lepau (dangau).	Hasil tuaian akan rosak.
17.	Tidak boleh berada di kebun rumbia jika bermimpi pertelingkahan atau perempuan bogel.	Akan ditimpa kemalangan semasa bekerja dalam kebun.
18.	Tidak boleh meneruskan perjalanan ke kebun rumbia jika terdengar panggilan burung jenis manuo baya, manuo sut dan manuo bukang.	Akan menyebabkan kematian kerana diburu oleh binatang buas atau jembalang.
19.	Tidak boleh meneruskan perjalanan jika ternampak ular atau tikus terjatuh dari pokok rumbia.	Malapetaka atau kecelakaan akan menimpa diri dan keluarga di rumah.
20.	Tidak boleh memarahi orang lain atau anak-anak sebelum pergi ke hutan untuk menebang pokok.	Akan ditimpa kemalangan akibat dahan-dahan kayu terjatuh atau terjumba binatang liar.

Berdasarkan Jadual 2 di atas, pantang larang terhadap kaum lelaki Melanau melibatkan urusan kelahiran, perkahwinan dan aktiviti harian. Pelanggaran terhadap pantang larang tersebut boleh menimbulkan kesulitan kepada diri dan keluarga. Hal ini dapat dikaitkan dengan kepercayaan, pegangan dan sistem nilai mereka terhadap adat dan budaya yang diwarisi daripada masyarakat terdahulu. Kaum lelaki Melanau dididik supaya mematuhi pantang larang yang menjadi amalan tradisi keluarga mereka supaya mereka dapat menjalani kehidupan dengan aman. Pada asasnya, pantang larang tersebut berkait rapat dengan unsur alam dan ini selari dengan konsep ‘berdamai dengan alam’ yang menjadi pegangan masyarakat tradisional. Kaum Melanau percaya bahawa hubungan akrab antara manusia dengan alam akan membentuk kehidupan yang sejahtera.

Analisis Ketidakpatuhan Terhadap Pantang Larang

Kaum lelaki Melanau percaya bahawa sesuatu yang buruk akan menimpa diri dan keluarga jika pantang larang yang menjadi warisan tradisi nenek moyang mereka tidak dipatuhi. Hal ini termasuklah mengakibatkan kematian, malapetaka, perpecahan keluarga dan sebagainya. Penerangan lanjut berkaitan kesan ketidakpatuhan pantang larang kelahiran, perkahwinan dan aktiviti harian ditunjukkan dalam Data 1 hingga 6.

Data 1 (Kategori Bersalin)

Tidak dibenarkan tidur bersama isteri dua minggu sebelum isteri bersalin.

Pantang larang dalam Data 1 menuntut kaum lelaki Melanau supaya tidur berasingan daripada isteri yang hamil sekurang-kurangnya dua minggu sebelum bersalin. Sekiranya pantang larang ini tidak dipatuhi maka dipercayai akan mendatangkan kemudaratan atau kesulitan pada isteri sewaktu bersalin. Kepercayaan ini berkait rapat dengan pekerjaan atau aktiviti harian kaum lelaki Melanau yang kerap masuk ke dalam hutan sehingga bau badan mereka sudah sebat dengan alam. Bau yang melekat di tubuh suami ini dipercayai akan menarik perhatian jembalang sehingga mengekori sampai ke rumah. Bagi mengelak perkara yang tidak diingini berlaku seperti gangguan makhluk halus, maka suami dilarang tidur bersama isteri sebelum bersalin supaya urusan kelahiran anak berjalan lancar (Yasir Abdul Rahman, 1987).

Data 2 (Kategori Bersalin)

Tidak boleh memegang anak selepas balik dari hutan atau laut semasa isteri berpantang.

Pantang larang dalam Data 2 memberikan peringatan kepada kaum lelaki Melanau, khususnya bapa yang baru pulang dari bekerja supaya membersihkan diri terlebih dahulu sebelum memegang anak yang baru dilahirkan. Pelanggaran terhadap pantang larang ini dipercayai boleh menyebabkan kesihatan anak terjejas atau terganggu. Hal ini ada kaitannya dengan pekerjaan bapa yang kerap berada di dalam hutan, sungai dan laut. Keadaan cuaca dan persekitaran yang tidak menentu ini secara tidak langsung mendedahkan bapa kepada jangkitan kuman. Unsur alam yang lain juga berkemungkinan akan meresapi tubuh bapa dan menganggu ahli keluarga yang lain, terutamanya isteri yang masih berpantang. Keadaan isteri yang masih ‘kotor’ dan belum sembah sepenuhnya akan menyebabkan dirinya mudah ditakluk makhluk halus (Yasir Abdul Rahman, 1987).

Data 3 (Kategori Perkahwinan)

Tidak boleh menetak bumbung rumah dengan parang dalam tempoh satu hingga tiga bulan selepas isteri bersalin.

Pantang larang dalam Data 3 berkait rapat dengan penjagaan tingkah laku suami bagi menjaga keutuhan ikatan perkahwinan. Dalam hubungan ini, suami tidak dibenarkan menetak bumbung rumah dengan parang dalam tempoh tiga bulan selepas isteri bersalin. Perbuatan menetak bumbung merujuk kepada kerja memanjat bumbung rumah sebelum menetak atau membetulkan bumbung rumah dengan parang. Jika pantang larang ini tidak dipatuhi maka dipercayai akan menyebabkan hubungan suami isteri menjadi retak dan boleh menyebabkan pasangan berpisah. Perbuatan ‘menetak’ diibaratkan seperti ‘memisahkan’ sesuatu keadaan

atau objek supaya tidak bersatu. Tempoh satu hingga tiga bulan yang dititikberatkan ini pula dapat dikaitkan dengan keadaan isteri yang masih belum sihat sepenuhnya selepas bersalin dan terdedah kepada pelbagai gangguan luar (Yasir Abdul Rahman, 1987).

Data 4 (Kategori Perkahwinan)

Tidak boleh memerah kelapa yang sudah diparut selepas majlis perkahwinan.

Pantang larang dalam Data 4 dipatuhi oleh kaum lelaki Melanau bagi memastikan isteri berada dalam keadaan yang sihat dan subur. Oleh yang demikian, kaum lelaki Melanau menegah diri mereka daripada memerah kelapa yang sudah diparut selepas majlis perkahwinan. Mereka mempercayai bahawa perbuatan memerah kelapa parut umpsama ‘memerah usus perut’ yang boleh memberi kesan kepada isteri seperti mengalami penyakit dalam perut sekali gus isteri tidak boleh mengandung atau mandul. Hal ini boleh menggugat kebahagiaan perkahwinan mereka (Yasir Abdul Rahman, 1987).

Data 5 (Kategori Aktiviti Harian)

Tidak boleh meneruskan perjalanan jika ternampak ular atau tikus terjatuh dari pokok rumbia.

Pantang larang dalam Data 4 berkaitan dengan kepercayaan masyarakat Melanau terhadap haiwan atau binatang yang dipercayai boleh mendatangkan malapetaka kepada manusia. Dalam hal ini, mereka sangat berhati-hati dengan binatang seperti ular dan tikus yang dikaitkan dengan petanda tidak baik kepada kehidupan. Kaum lelaki Melanau yang terserempak dengan ular atau tikus terjatuh dari pokok rumbia tidak boleh meneruskan perjalanan ke kebun tetapi hendaklah segera pulang ke rumah. Jika pantang larang ini tidak dipatuhi maka dipercayai mereka akan mendapat kecelakaan atau ditimpa malang semasa bekerja (Yasir Abdul Rahman, 1987).

Data 6 (Kategori Aktiviti Harian)

Tidak boleh menggunakan pisau pemotong ikan semasa menuai padi.

Pantang larang dalam Data 6 berkaitan dengan kepercayaan masyarakat Melanau terhadap penggunaan peralatan tertentu yang dipercayai boleh menyebabkan hasil tanaman tidak menjadi. Oleh yang demikian, kaum lelaki Melanau dilarang mengguna pisau pemotong ikan semasa menuai padi. Mereka percaya jika pantang larang ini tidak dipatuhi maka tanaman akan rosak, iaitu padi tidak berisi atau menghasilkan padi hampa (Yasir Abdul Rahman, 1987).

Rumusan

Kajian ini memperlihatkan bahawa pantang larang merupakan satu amalan tradisi kaum lelaki Melanau yang diwarisi secara turun-temurun, dan sebahagian besarnya masih diamalkan sehingga ke hari ini. Kaum lelaki Melanau tidak terkecuali daripada sekatan pantang larang untuk menjaga kepentingan diri dan keluarga. Kepatuhan terhadap pantang larang berkait rapat dengan kepercayaan bahawa wujudnya makhluk halus yang sentiasa mengawal pergerakan manusia, sama ada tutur kata ataupun tingkah laku. Pada asasnya, amalan pantang larang dapat membentuk kesejahteraan hidup manusia namun ia perlu diperhalusi semula selari dengan perkembangan agama Islam. Dengan kata lain, masyarakat Melanau yang beragama Islam hendaklah memastikan bahawa pantang larang yang menjadi pegangan mereka tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Hakikatnya, kepatuhan terhadap pantang larang didorong oleh perasaan takut terhadap makhluk halus yang dipercayai akan menyusahkan hidup mereka jika ingkar terhadap pantang larang yang ditetapkan. Berikut itu, implikasi kajian ini adalah untuk memastikan bahawa pantang larang tersebut tidak menyekat tindak-tanduk atau pergerakan individu untuk memajukan diri. Satu kajian menyeluruh perlu dilakukan bagi mengenal pasti pantang larang yang tidak relevan untuk diamalkan atau diwarisi oleh generasi muda masa ini kerana dikhuatiri akan menyekat kreativiti dan keupayaan diri. Aspek agama juga perlu dititikberatkan dalam pantang larang untuk memastikan bahawa masyarakat Melanau yang beragama Islam, mengutamakan tuntutan agama daripada adat dan budaya. Hal ini penting supaya akidah masyarakat Islam Melanau terpelihara dan tidak terpesong oleh perbuatan syirik yang terdapat dalam pantang larang. Pada masa yang sama, pantang larang kaum lelaki Melanau ini dapat diangkat sebagai khazanah warisan bangsa untuk diwarisi oleh generasi masa hadapan agar mereka berdaya saing, berbudaya tinggi dan beretika dalam menjalani kehidupan seharian. Dalam hubungan ini, ibu bapa perlu mendidik anak-anak supaya mempraktikkan pantang larang yang memberi manfaat kepada kesejahteraan diri, agama, bangsa dan negara.

Secara keseluruhannya, pantang larang kaum lelaki Melanau berkait rapat dengan aktiviti harian, kelahiran dan perkahwinan. Pantang larang merupakan satu sekatan kepada kaum lelaki Melanau supaya sentiasa menjaga tutur kata dan tingkah laku dalam kehidupan seharian. Kepercayaan terhadap pantang larang yang diwarisi secara turun temurun ini sangat menebal dan sebatи dalam diri. Mereka juga percaya bahawa kewujudan kuasa mistik, alam ghaib dan makhluk halus mempunyai hubungan secara langsung dengan manusia. Oleh yang demikian, kepatuhan terhadap pantang larang akan membolehkan mereka hidup dengan aman dan membebaskan diri daripada gangguan luar. Setiap pantang larang yang didukung oleh kaum lelaki Melanau mempunyai maksud tersurat dan tersirat sekali gus membentuk peribadi diri. Antaranya termasuklah melatih kaum lelaki Melanau supaya bertanggungjawab, berhemah, berdisiplin dan berhati-hati bukan sahaja untuk kepentingan diri sendiri tetapi juga keluarga. Ia merupakan satu bentuk pendidikan tidak formal yang dapat mendidik masyarakat supaya sentiasa berada di landasan yang benar dan rasional dalam membuat pertimbangan. Pada masa yang sama, pantang larang dapat meningkatkan penghormatan manusia terhadap unsur alam yang lain.

Kajian tentang pantang larang masyarakat Melanau perlu didokumentasikan supaya dapat menjadi rujukan masyarakat dunia, khususnya dalam aspek sosiobudaya. Generasi muda

perlu didedahkan dengan pelbagai kearifan tempatan (*local wisdom*) yang dicipta dengan penuh pengamatan dan penaakulan oleh masyarakat tradisional. Penciptaan pantang larang yang unik dan luar biasa ini seharusnya menjadi kebanggaan masyarakat sekali gus memperkuuh jati diri. Tidak dinafikan bahawa perkembangan agama Islam telah menyebabkan berlakunya pengubahsuaian dalam pengamalan pantang larang selari dengan menyebabkan berlakunya pengubahsuaian terhadap beberapa pantang larang selari dengan tuntutan agama. Walau bagaimanapun, kita harus mengakui bahawa pantang larang yang dicipta oleh masyarakat terdahulu ternyata sarat dengan falsafah dan nilai estetika. Oleh yang demikian, semua pihak perlu membuka mata dan mengangkat khazanah warisan bangsa ini dengan melakukan lebih banyak kajian berkaitan dengan pantang larang dalam masyarakat. Penerapan nilai-nilai baik dalam pantang larang akan melahirkan masyarakat yang budiman dan berbudaya tinggi.

Rujukan

- Abdullah Yusof, Alias Mohd Yatim Dan Mohd Rain Shaari. (2006). *Semantik dan Pragmatik Aishah@Eshah Haji Mohamed & Abd. Aziz Hj. Bidin. (2012). Penjagaan kesihatan Wanita Semasa dalam Pantang: Amalan dan Kepercayaan.* Selangor. Terbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ani Omar. (2010). *Pantang Larang Di Kalangan Orang Melayu Analisis Dari Perspektif Bahasa Melayu.* Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Buku Tahunan Perangkaan Sarawak 2011. Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Sarawak.
- Buku Tahunan Perangkaan Sarawak 2015. Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Sarawak.
- Christi Tiuh. 2020. Aktivis Seni Miri, Miri. Temubual, 8 Jun 2020.
- Hamidah Abdul Wahab. (2013). *Petua dan Pantang Larang Tradisional dalam Alam Melayu Sarawak.* International Journal of the Malay World and Civilization, 1 (1). pp. 89-97. Selangor. Terbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hashim Awang. (1988). *Perlakuan Pemakanan Dalam Rangka Teori Perubatan Masyarakat dan Budaya Melayu dalam Fenomena.* Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu. Universiti Malaya.
- Ismail Hamid, (1998). *Nilai Budaya Masyarakat Desa, Kajian Etnografi di Wang Kelian Perlis.* Jilid 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jasmin Tahirih Smith. 2020. Persatuan Melanau Sarawak, Mukah. Temubual, 8 Jun 2020.
- Jeniri Amir. (1988). *Komuniti Melanau. Dlm Zainal Abidin Zulcifly (penyelenggara), Adat Resam Penduduk Sarawak. Jawatankuasa Kecil Publisiti dan Filem, Perayaan Ulang Tahun Ke-25 Sarawak Merdeka dalam Malaysia.* Kuching: See Hua Daily News Bhd.
- Jeniri Amir. (1989). *Adat Resam Kaum Melanau.* The Sarawak Museum Journal.Vol. XL. Special Issue No.4. Part II. Desember 1989.
- Madonna Paul. 2020. Ahli Persatuan Kebudayaan Sri Ritma, Mukah. Temubual, 10 Jun 2020.
- Masniah Jamhi.2020. Masyarakat Melanau Bintulu, Bintulu. Temubual, 7 Jun 2020.
- Mohd Taib bin Osman.* (1988). *Kebudayaan Melayu Dalam Beberapa Persoalan.* Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mordiah Wen. 2020. Masyarakat Melanau Miri, Miri. Temubual, 7 Jun 2020.
- Musa Bohari. 2020. Pensyarah UiTM Mukah, Mukah. Temubual, 8 Jun 2020.

Robiah Sidin & Juriah Long. (1998). *Nilai Budaya Masyarakat Desa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Teori SPB4K. Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies. Vol 38 (1): 13-34. A

Yasir Abdul Rahman. (1987). *Melanau Mukah: Satu Kajian Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zakaria Hassan. 2020. Aktivitis Seni Teater, Kuching. Temubual, 11 Jun 2020.